




**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **142 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **56,165 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan hari ini iaitu di daerah Tawau. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 76 menjadikan jumlah kumulatif 54,780 orang. Seramai 840 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 339 orang di hospital dan 501 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 49 orang dan 16 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Nabawan bertukar dari zon jingga ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah enam (6) daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Kuning 15 daerah
- Zon Hijau empat (4) daerah

- 5      **Terdapat dua (2) kluster** baharu direkodkan hari ini.
- i      Kluster Batu 10 di Tawau menambah satu (1) kes positif COVID-19 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 16 kes. Kes indeks merupakan guru wanita di sekolah rendah yang dikesan positif selepas menjalani saringan bergejala. Turut disahkan positif, suami kepada kes indeks yang bertugas di Lembaga Koko Tawau pada 31 Mac 2021. Hasil saringan kontak rapat, 14 lagi kes positif dikesan iaitu empat (4) pekerja Lembaga Koko, sembilan (9) kontak rapat kepada pekerja dan seorang pelajar di sekolah tempat kes indeks mengajar. Aktiviti pengesahan kontak rapat dan punca jangkitan sedang giat dijalankan.
- ii     Kluster Jalan Khidmat di Kota Kinabalu mencatat 22 kes baharu, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 24 kes. Kes indeks merupakan dua (2) pelajar lelaki Tingkatan 2, di salah sebuah sekolah menengah agama. Kedua-duanya dikesan positif COVID-19 melalui saringan bergejala pada 12 April 2020. Susulan kes itu, pasukan kawalan telah menjalankan aktiviti persampelan ke atas semua kontak di sekolah terbabit. Daripada 796 sampel yang diambil, 22 kes disahkan positif, 228 sampel negatif manakala 544 sampel lagi masih menunggu keputusan ujian.
- 6      Daripada 142 kes positif COVID-19, sebanyak 48 kes (33.8%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 13 kes (9.2%) saringan bergejala, 69 kes (48.5%) dari kluster baharu dan sedia ada serta 12 kes (8.5%) dari lain-lain kategori.
- 7      Jumlah kapasiti katil 3,805 unit
- Hospital 549 unit
  - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,836 unit
  - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.
- Peratus penggunaan katil 22.08%.

## **B STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Setakat ini, seramai **220** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **49,444** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin Pfizer BioNTech, seramai **38** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **41,787** orang.
- 3 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **4,274** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **409,982** (mysejahtera 379,904 : laman web 29,850 : talian vaksinasi 228) bersamaan 14.0%.

## **C BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sejumlah **301,036** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

## **D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 59 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 18,347 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 156 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 63 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dan kompaun dibuat.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 99 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 56 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.

- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 383 lokasi melibatkan seramai 197 anggota APM.
- 4 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukrelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 118 anggota di 104 lokasi.
- 5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis, melibatkan empat (4) buah daerah iaitu Kota Kinabalu, Keningau, Sandakan dan Lahad Datu.
- 6 Sejumlah 86 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 16 daerah pada hari ini.
- 7 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 72 hebahan di seluruh sabah.

**E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **96.5%**.

Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	97%
2	Tenom	97%
3	Kunak	97%
4	Kinabatangan	97%
5	Ranau	97%
6	Sipitang	97%
7	Kota Marudu	97%
8	Beluran	97%
9	Penampang	97%
10	Kudat	97%
11	Kota Belud	97%
12	Tuaran	96%
13	Lahad Datu	96%
14	Kota Kinabalu	96%
15	Beaufort	96%
16	Papar	96%
17	Sandakan	96%
18	Tawau	96%
19	Keningau	96%

2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**

**14 APRIL 2021**